

CNS3261

R GB 30-04 00189 BB535

bah

Mahathir - China

KERJASAMA ANTARA CHINA DAN MALAYSIA SEDIA BERKEMBANG, KATA MAHATHIR
(Embargo: Untuk Siaran Selepas Pukul 10.30 malam ini))

I

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Kerjasama yang lebih erat antara kerajaan Malaysia dan China akan lebih erat lagi di masa depan dengan perkembangan ekonomi kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Pada masa yang sama, perhubungan antara rakyat kedua-dua negara akan turut meningkat sama ada melalui tajaan kerajaan atau swasta, kata Perdana Menteri.

"Perhubungan ekonomi dan interaksi antara China dan Malaysia akan berkembang lagi di masa hadapan. Ia akan menguntungkan kedua-dua negara," katanya pada majlis makan malam Persatuan Persahabatan Malaysia-China di sini.

Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya untuk memanfaatkan sepenuhnya aspek-aspek positif dalam perhubungan antara rakyat Malaysia dengan orang Cina dari Tanah Besar China kerana banyak faedah yang boleh diperolehi daripada perhubungan dan persahabatan antara mereka.

Rakyat Malaysia sedang melabur dan membantu membangunkan China yang menjadi pengimport terbesar minyak kelapa sawit Malaysia dan China juga melabur dan telah banyak mencadangkan projek usahasama di sini, katanya. --
Lagi

▼30/04/20-33MST

CNS3277

R GB 30-04 00173 BB536

bah

Mahathir - China 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Beliau berkata disebabkan perbezaan ideologi, perhubungan antara kedua-dua negara buat suatu masa yang lama tidak sebaik seperti yang sepatutnya, tetapi keadaan sudah banyak berubah sekarang.

"Hari ini, perhubungan itu adalah sehabis baik yang boleh. Perkara silam sudah pun dilupakan dan dalam banyak hal tidak lagi relevan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kedua-dua negara masih mempunyai ideologi yang berbeza, dasar Malaysia ialah mengetepikan perbezaan-perbezaan itu dalam mengendalikan hubungan luarnya.

Beliau juga berkata hakikat bahawa ramai rakyat Malaysia mempunyai asal-usul di China adalah diakui. "Tetapi, mereka orang Malaysia dan hubungan mereka dengan China adalah berdasarkan mereka sebagai rakyat Malaysia, walaupun mempunyai asal-usul dari negeri China."

Seperti orang Cina Malaysia mempunyai minat yang mendalam terhadap China, orang Melayu juga mempunyai minat yang istimewa terhadap orang Islam di China yang bilangannya lebih ramai di China daripada orang Melayu di Malaysia, katanya.

"Terdapat satu keinginan yang boleh meningkatkan persefahaman dan persahabatan rakyat kedua-dua negara," katanya. -- Lagi

▼30/04/20-56MST

CNS3286

R GB 30-04 00095 BB537

bah

Mahathir - China 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata Malaysia tidak berapa bimbang tentang kemungkinan berlakunya pertikaian dengan China kerana penerimaan China terhadap pentingnya prinsip-prinsip hidup bersama secara aman.

Katanya: "Pertikaian boleh berlaku antara sahabat-sahabat yang paling akrab. Tetapi jika penyelesaian pertikaian didasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah dipersetujui, penyelesaian akan menjadi lebih mudah.

"Malaysia tidak berapa bimbang tentang kemungkinan berlakunya pertikaian kerana prinsip hubungan luar negara yang dipegang oleh China, Malaysia memang sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip itu." -- Bernama.

MGM RON

▼30/04/21-05MST